

SULIT



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER III  
SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS : KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
KOD KURSUS : DAC 11202  
PROGRAM : DAA  
TARIKH PEPERIKSAAN : OGOS 2019  
JANGKA MASA : 1 JAM 30 MINIT  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

**TERBUKA**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEBELAS (11) MUKA SURAT

SULIT

# SULIT

DAC 11202

- S1 Antara berikut yang manakah bukan di bawah skop OSHA 1994?
- A. Pembuatan  
B. Pembinaan  
C. Angkatan tentera  
D. Perlombongan
- S2 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah Fungsi .....
- A. Pentadbiran  
B. Kawalan kualiti  
C. Pengurusan  
D. Kewangan
- S3 Antara unsur berikut, program kesihatan pekerjaan OSHA tidak memerlukan?
- A. Penyelenggaraan dan kerahsiaan rekod perubatan pekerja  
B. Akses kepada perkhidmatan perubatan dan pertolongan cemas  
C. Kesihatan dan program kesihatan  
D. Pemeriksaan perubatan untuk beberapa piawaian OSHA
- S4 Antara klasifikasi Undang-undang Tort adalah;
- A. Kesihatan  
B. Pencerobohan  
C. Kemalangan  
D. Salah laku
- S5 Skop perundangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 adalah;
- A. Melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja di semua sektor ekonomi  
B. Memberi khidmat nasihat dan kepakaran  
C. Mengawal aktiviti industri atau bahan kimia yang spesifik  
D. Menjalankan kerja galakan dan promosi
- S6 Antara berikut yang mana bukan merupakan skop tugas DOSH?
- A. Menyediakan kertas siasatan berkaitan kemalangan melibatkan pekerja dan majikan.  
B. Menjalankan penyiasatan kemalangan di pusat latihan tentera.  
C. Menjalankan pemeriksaan di tempat kemalangan.  
D. Menjalankan sesi temuduga bersama pihak yang terlibat dengan kemalangan.
- S7 Sumber atau keadaan yang berpotensi untuk mengakibatkan kemudaratan kepada manusia dikenali sebagai?
- A. Kemalangan  
B. Bahaya  
C. Hazad  
D. Risiko

**TERBUKA**

## SULIT

DAC 11202

- S8** Di dalam undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, majikan bagi sesebuah organisasi perlu menyediakan satu Dasar Keselamatan Bertulis apabila bilangan pekerjanya.....?
- A Melebihi 4 orang  
B Melebihi 8 orang  
C Melebihi 12 orang  
D Melebihi 16 orang
- S9** Pelaksanaan amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja memberi manfaat berikut, KECUALI:
- I Mengurangkan kos operasi  
II Mengurangkan masalah peningkatan pekerja yang bersara awal  
III Memberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan aktiviti berbahaya  
IV Meningkatkan penghasilan produk dan hasil
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- S10** Manakah antara berikut adalah istilah rujukan pegawai kesihatan dan keselamatan pekerja semasa berkhidmat sebagai pegawai perubatan?
- A Menjalankan pemeriksaan perubatan mengikut kewajipan di bawah akta dan peraturan  
B Menghubungi doktor untuk menjalankan pemeriksaan mengikut akta dan peraturan  
C Mencadangkan Pegawai Kesihatan untuk menjalankan pemeriksaan  
D Menasihati kakitangan membuat pemeriksaan perubatan mengikut akta dan peraturan
- S11** Di bawah Perundangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, mandatori terletak di bawah kategori?
- A Kod Latihan (*Code of Practice*)  
B Piawaian atau Garis Panduan  
C Akta dan Peraturan  
D Amalan Terbaik (*Best Practices*)
- S12** Sesebuah Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dibentuk supaya ...
- A Majikan boleh memberitahu wakil Keselamatan dan Kesihatan apa yang perlu dilakukan  
B Majikan dan pekerja boleh bekerjasama untuk menjalankan kerja selamat  
C Pekerja boleh memberitahu majikan apa yang perlu dilakukan  
D Majikan dan pekerja dapat mengenali antara satu sama lain

**TERBUKA**

## SULIT

DAC 11202

- S13** Adakah pekerja perlu membayar Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) sendiri?
- A Ya, pekerja bertanggungjawab untuk melindungi diri sendiri      C Tidak, majikan bertanggungjawab untuk menyediakan PPE yang diperlukan
- B Ya, jika PPE yang disediakan oleh majikan hilang      D Ya, jika PPE yang diberikan tidak sesuai dan tidak selesa
- S14** Apakah keperluan untuk melaksanakan penilaian risiko?
- A Keperluan pekerja      C Keperluan majikan
- B Keperluan organisasi      D Keperluan undang-undang
- S15** Analisis bagaimana dan mengapa pekerja jatuh dari tangga rosak dikenali sebagai
- A Analisis hazard      C Analisis risiko
- B Analisis kemalangan      D Analisis kegagalan
- S16** Pengelasan kesan daripada peristiwa merbahaya boleh jadi ...
- A Kecederaan serius      C Hazard
- B Risiko      D Mungkin
- S17** Yang manakah tidak berkaitan dengan HIRARC?
- A Kawalan risiko      C Penaksiran risiko
- B Pengenalpastian hazard      D Kawalan hazard
- S18** Yang manakah susunan yang betul bagi komponen dasar pengurusan risiko?
- A Semak langkah kawalan, pengenalpastian hazard, penaksiran risiko, kawalan risiko      C Pengenalpastian hazard, penaksiran risiko, kawalan risiko, semak langkah kawalan
- B Pembahagian kumpulan, pengenalpastian hazard, penaksiran risiko, kawalan risiko      D Pengenalpastian hazard, penaksiran risiko, kawalan risiko, rumusan kerja
- S19** Tentukan hierarki kawalan bagi sederhana berkesan
- A Pengasingan      C Penghapusan
- B PPE      D Pentadbiran

**TERBUKA**

## SULIT

DAC 11202

S20 Berikut adalah tujuan HIRARC kecuali

- |   |  |   |   |
|---|--|---|---|
| A | Untuk mengenal pasti semua faktor-faktor yang boleh menyebabkan mudarat kepada pekerja-pekerja dan lain-lain | C | Untuk mempertimbangkan apakah kebarangkalian bahaya boleh berlaku dan keterukan yang mungkin boleh datang |
| B | Untuk menyasat bagaimana dan mengapa kemalangan boleh berlaku  | D | Untuk membolehkan majikan merancang, memperkenalkan dan memantau langkah-langkah pencegahan               |

S21 Antara berikut, yang manakah BUKAN dikelaskan sebagai hazard?

- |    |                      |     |               |
|----|----------------------|-----|---------------|
| I  | Kimia                | III | Ergonomik     |
| II | Fizikal              | IV  | Biologikal    |
| A  | I, II dan III sahaja | C   | Tiada di atas |
| B  | I, III dan IV sahaja | D   | Semua di atas |

S22 Antara berikut, yang manakah BUKAN di dalam jenis penilaian risiko?

- |     |                                   |   |                       |
|-----|-----------------------------------|---|-----------------------|
| I   | Penilaian Risiko Kualitatif       |   |                       |
| II  | Penilaian Risiko Semi- Kualitatif |   |                       |
| III | Penilaian Risiko Semi-Kuantitatif |   |                       |
| IV  | Penilaian Risiko Kuantitatif      |   |                       |
| A   | I, II dan IV sahaja               | C | II, III dan IV sahaja |
| B   | I, III dan IV sahaja              | D | Semua di atas         |

S23 Yang manakah antara berikut teknik yang digunakan untuk analisis hazard?

- |   |                              |   |                                  |
|---|------------------------------|---|----------------------------------|
| A | Analisis Kerosakan Jalanraya | C | Mod Kegagalan dan Analisis Punca |
| B | Analisis Keselamatan Kerja   | D | Kajian Bahaya dan Keselamatan    |

S24 Perancangan tapak pembinaan adalah penting kepada kontraktor untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dan orang sekeliling. Dalam melakukan perancangan tapak, apakah penilaian awalan yang perlu diambil kira?

- |     |   |   |               |
|-----|---|---|---------------|
| I   | Keperluan storan bahan binaan                   |   |               |
| II  | Keperluan keselamatan tapak                     |   |               |
| III | Rantaian/susunan kerja tapak yang logik         |   |               |
| IV  | Jenis dan kapasiti jentera dan peralatan binaan |   |               |
| A   | I dan III                                       | C | II dan IV     |
| B   | I, II dan III                                   | D | Semua di atas |

**TERBUKA**

**SULIT**

# SULIT

DAC 11202

S25 Bucu tajam, terlebih bebanan, dan roda pengisar tanpa penutup/penghadang adalah beberapa contoh yang berkaitan dengan hazard ...

- |   |            |   |             |
|---|------------|---|-------------|
| A | Elektrikal | C | Biologikal  |
| B | Mekanikal  | D | Psikososial |

S26 Yang berikut adalah contoh-contoh untuk mengawal hazard pada sumber, kecuali ..

- |   |                     |   |                                      |
|---|---------------------|---|--------------------------------------|
| A | Mengubahsuai proses | C | Pengawasan kawasan secara berterusan |
| B | Penggantian kaedah  | D | Penukaran peralatan                  |

S27 Dalam melakukan penilaian risiko di tempat kerja, berikut adalah jenis-jenis dokumen yang perlu disemak untuk mengenalpasti hazard, kecuali


- |   |   |   |   |
|---|---|---|---|
| A | Laporan kemalangan  | C | Polisi keselamatan dan kesihatan                            |
| B | Lampiran data keselamatan bahan<br>( <i>Material safety data sheet - MSDS</i> ) | D | Lampiran kerja penilaian<br>( <i>Inspection worksheet</i> ) |

S28 Apakah yang dimaksudkan oleh kenyataan di bawah ini:

“Sumber-sumber hazard termasuklah bakteria, virus, serangga, tumbuhan, haiwan, dan manusia, di mana boleh menyebabkan pelbagai kesan terhadap kesihatan dari segi radangan kulit, jangkitan (seperti tuberculosis, dan AIDS), kanser, dan sebagainya”

- |   |                          |   |                                    |
|---|--------------------------|---|------------------------------------|
| A | Hazard kimia             | C | Hazard biologi                     |
| B | Hazard kesihatan fizikal | D | Isu kebersihan ( <i>hygienic</i> ) |

S29 Apakah kaedah pengawalan risiko di bawah?




- |   |             |   |              |
|---|-------------|---|--------------|
| A | Penghapusan | C | Kejuruteraan |
| B | Penggantian | D | Pengurusan   |

**TERBUKA**

## SULIT

DAC 11202

S30 Apakah kaedah pengawalan risiko di bawah?



- |   |             |   |              |
|---|-------------|---|--------------|
| A | Penghapusan | C | Kejuruteraan |
| B | Penggantian | D | Pengurusan   |

S31 Abu bekerja sebagai tukang konkrit untuk sebuah projek pembinaan. Salah satu tugas Abu adalah membancuh konkrit dengan menggunakan mesin mekanikal, tidak menggunakan tangan/manual. Apakah pengawalan risiko yang Abu lakukan?

- |   |             |   |              |
|---|-------------|---|--------------|
| A | Penghapusan | C | Kejuruteraan |
| B | Penggantian | D | Pengurusan   |

S32 Rosli bekerja sebagai pengibar bendera di tapak pembinaan jalan raya. Apakah peralatan perlindungan personal (PPE) yang paling Rosli perlukan?

- |   |                         |   |                               |
|---|-------------------------|---|-------------------------------|
| A | Kasut keselamatan       | C | Topi keselamatan              |
| B | Cermin mata keselamatan | D | Jaket keselamatan yang terang |

S33 Apakah jawapan yang paling sesuai untuk prinsip asas pengurusan risiko?

- I Mengurus risiko
- II Menerima semua risiko
- III Melakukan keputusan risiko sebaiknya
- IV Mengintegrasikan pengurusan risiko sebagai sebahagian dari perancangan

- |   |          |   |               |
|---|----------|---|---------------|
| A | I sahaja | C | III dan IV    |
| B | I dan II | D | Semua di atas |

**TERBUKA**

## SULIT

DAC 11202

**S34** Strategi penyiasatan kemalangan adalah melibatkan beberapa langkah demi untuk mencadangkan langkah pembetulan yang sesuai supaya kemalangan yang sama dapat dielakkan kelak. Yang manakah di bawah menerangkan susunan langkah-langkah tersebut?

- I Kenalpasti penyebab dan penyebab utama
- II Analisis kemalangan
- III Kenalpasti langkah pembetulan
- IV Mencari dan memperkukuhkan fakta
- V Mengumpul maklumat
- VI Mengasingkan faktor penyumbang penting
- VII Melaksanakan langkah pembetulan
- VIII Laport dan menilai semula dapatan

- A IV, V, I, III, II, VII, VI, VIII
- B V, IV, III, I, VII, II, VI, VIII
- C V, IV, VI, I, III, VIII, II, VII
- D IV, V, II, I, III, VI, VIII, VII

**S35** Salah satu langkah dalam strategi penyiasatan kemalangan adalah untuk mengumpul informasi. Kaedah yang digunakan antaranya ialah menemubual saksi. Berikut adalah perkara yang perlu dipertimbangkan apabila menemubual:

- I Biarkan saksi berada dalam keadaan tenang
- II Gunakan lukisan atau rajah untuk membantu saksi
- III Dapatkan informasi berdasarkan rumor atau buah mulut orang ramai
- IV Ambil nota tanpa mengganggu saksi

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II dan IV

**S36** Apabila berlakunya kemalangan di tapak pembinaan, akan terdapat dua (2) kumpulan yang terlibat untuk melakukan penyiasatan, iaitu kumpulan penyiasat dalaman dan kumpulan penyiasat luaran. Kenalpasti mereka yang berada di dalam kumpulan penyiasat dalaman.

- I DOSH
- II Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)
- III Ahli jawatankuasa keselamatan dan kesihatan
- IV Perunding luaran syarikat
- V Pihak pengurusan atasan

- A I, II, III dan V
- B II, III, IV dan V
- C II, III dan V
- D Semua di atas

**TERBUKA**



## SULIT

DAC 11202

- S37** Seksyen 30 Akta OSHA 1994 mengarahkan semua majikan yang mempunyai bilangan pekerja ..... untuk mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja.
- A 5 atau lebih  
B 40 atau lebih  
C 30 atau lebih  
D 20 atau lebih
- S38** Kecemasan dan kemalangan boleh berlaku pada organisasi pada bila-bila masa dan disebabkan oleh pelbagai sebab. Kaedah yang paling baik untuk mengurangkan kecemasan dan kemalangan adalah ...
- A Menapis calon pekerja dan hanya memilih pekerja yang selamat  
B Mempunyai pelan pengurusan komprehensif yang bertulis  
C Mempunyai hubungan baik dengan jabatan penyelamat/BOMBA tempatan  
D Hanya membeli peralatan dan bahan yang selamat sahaja
- S39** Salah satu bahan berikut perlu disingkirkan jika ingin menghapuskan kebakaran, iaitu...
- A Haba  
B Oksigen  
C Bahan api  
D Semua di atas
- S40** Ramu telah bekerja di dalam industri pembinaan selama lebih 10 tahun. Baru-baru ini dia telah mengadu tentang gigil dan kehilangan sedikit deria rasa pada tangan termasuklah terhadap sentuhan lembut serta kekuatan genggamannya. Apakah kemungkinan aktiviti Ramu yang utama di dalam tapak pembinaan?
- A Memandu jentera jengkaut  
B Memasang bingkai tingkap menggunakan penukul  
C Menggetar konkrit  
D Mengikat besi tetulang
- S41** Berikut adalah hazard yang mungkin berkaitan dengan penggunaan wayar sambungan dan soket elektrik pelbagai, kecuali
- A Terlebi bebanan pada wayar elektrik dan boleh menyebabkan kebakaran  
B Kebocoran arus elektrik yang boleh menyebabkan kejutan elektrik kepada pekerja  
C Litar pintas apabila banyak peralatan elektrik digunakan sekaligus  
D Ketiadaan elektrik apabila berlaku litar pintas

**TERBUKA**

## SULIT

DAC 11202

- S42 Apakah dua penyebab utama kemalangan di tempat kerja?
- A Perlakuan tak selamat dan pekerja tak selamat
  - B Pekerja tak selamat dan mesin tak selamat
  - C Keadaan tak selamat dan mesin/peralatan tak selamat
  - D Perlakuan tak selamat dan keadaan tak selamat
- S43 Kenapa kemalangan “hampir/near miss” perlu dilaporkan?
- A Untuk mendidik pekerja
  - B Untuk menguji ahli pembantu perubatan
  - C Untuk memastikan pemulihan lengkap
  - D Untuk mengelakkan kejadian yang lebih serius daripada berlaku
- S44 Apakah pernyataan berkenaan contoh pengawalan pengurusan yang betul di bawah:
- A Perjumpaan/mesyuarat “*toolbox*” mingguan untuk mendidik pekerja tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja
  - B Menutup/meredam bunyi kuat dari mesin-mesin
  - C Melakukan “*housekeeping*” selepas setiap pengakhiran kerja
  - D Memakai “*safety harness*” setiap kali bekerja di tepat tinggi
- S45 Pengkelasan kemalangan dikategorikan kepada tiga peringkat. Yang manakah di antara berikut bukan termasuk di dalam pengkelasan kemalangan di tempat kerja?
- A Kecederaan major/serius
  - B Kemalangan hampir/near miss
  - C Kematian disebabkan kemalangan trafik dalam perjalanan ke tempat kerja
  - D Kerosakan pada barangan/alat/aset
- S46 Bahan kimia terdapat di dalam pelbagai produk yang digunakan di tapak pembinaan. Ia boleh wujud dalam bentuk ...
- |                 |                 |
|-----------------|-----------------|
| I Wap           | III Wasap       |
| II Debu         | IV Cecair       |
| A I dan II      | C I, III dan IV |
| B I, II dan III | D Semua di atas |

**TERBUKA**

## SULIT

DAC 11202

- S47** Terdapat dua jenis kesan kesihatan yang disebabkan oleh pendedahan kepada bahan kimia iaitu kesan akut dan kesan kronik. Pada pandangan anda, apakah sebab utama untuk kesan kesihatan akut dari pendedahan kepada hazad bahan kimia?
- A Pendedahan sederhana yang berterusan pada penumpuan (*concentration*) rendah terhadap sesuatu bahan kimia
  - B Pendedahan tiba-tiba pada penumpuan (*concentration*) tinggi
  - C Pendedahan tiba-tiba dengan penumpuan (*concentration*) rendah pada jangka masa panjang
  - D Pendedahan berterusan atau berulang pada jangka masa panjang
- S48** Kegagalan pada pendengaran adalah bersifat kumulatif dan tahap pendedahannya berdasarkan kepada 8 jam bekerja (*average*). Pekerja yang tidak menggunakan peralatan mesin juga turut terdedah kepada pencemaran bunyi, hampir sama dengan pekerja yang sedang menggunakan peralatan mesin. Apakah faktor yang mempengaruhi tahap bunyi yang terdedah kepada pekerja?
- I Harga peralatan mesin yang digunakan
  - II Jenis peralatan mesin yang digunakan
  - III Keadaan/tahap penyelenggaraan peralatan mesin yang digunakan
  - IV Peralatan mesin lain yang sedang digunakan pada masa yang sama
- A I dan II
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas
- S49** Kemalangan adalah kejadian tidak dijangka atau tidak dirancang yang berlaku melalui kombinasi penyebab dan menghasilkan kecederaan fizikal, kerosakan pada asset, kemalangan hampir (*near miss*) atau gabungan di antaranya. Apakah sebab utama sesuatu kemalangan?
- I Faktor personal
  - II Prestasi penyeliaan
  - III Faktor kewangan
  - IV Polisi dan keputusan pengurusan
- A I dan II
  - B I dan III
  - C I, II dan IV
  - D I, III dan IV
- S50** Organisasi apakah yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan *Building Operations and Works of Engineering Construction (BOWEC) Regulation 1986*?
- A NIOSH
  - B DOSH
  - C SOSCO
  - D CIDB

SOALAN TAMAT

TERBUKA